

**Tarikh Dibaca: 25 Disember 2015**

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

**“MENELADANI AKHLAK RASULULLAH  
SAW”  
(SEMPENA MAULIDUR RASUL)**

\*\*\*

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2012-2015

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsal (Timbalan Pengerusi)  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)
6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)
7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
9. Tuan Haji Abdul Halim Hapiz Bin Salihin (Ahli)
10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- II. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Majlis Agama Islam Selangor
12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



## **"MENELADANI AKHLAK RASULULLAH SAW" (SEMPENA MAULIDUR RASUL)**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي  
يُحِبِّكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بَتَقْوَى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bersama-sama, berusaha ke arah meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT, iaitu dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Moga-moga, kita dikurniakan kebahagiaan dan kejayaan, di dunia dan di akhirat kelak.

Mimbar hari ini akan mengupas sedikit sebanyak perkara-perkara yang boleh diambil sebagai tauladan daripada Rasulullah SAW. Pada kesempatan khutbah hari ini, khatib akan memberikan fokus tentang 3 sudut pedoman yang boleh diambil daripada Rasulullah SAW iaitu; sudut ibadah, sudut kehidupan dan sudut pemikiran. Oleh itu, Marilah kita sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk: "**MENELADANI AKHLAK RASULULLAH SAW**".

## Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Rasulullah SAW sebagai seorang utusan Allah di muka bumi ini adalah ikutan terbaik dalam melaksanakan ibadah dan penyembahan kepada Allah SWT. Bagindalah manusia yang paling memahami wahyu-wahyu Allah, dan yang paling mengerti kehendak-kehendak Allah terhadap manusia. Justeru, sewajarnya kita mengikut dan meneladani baginda Nabi dalam melaksanakan ibadah kepada Allah SWT.

Rasulullah SAW mengajarkan kepada kita bahawa apa yang lebih penting dalam amal ibadah ialah Istiqamah, iaitu konsisten berterusan dalam melakukannya. Biarpun amalan hanya sedikit sahaja, namun sedikit yang berterusan itu lebih baik daripada banyaknya amalan, tetapi tidak berterusan.

Seorang sahabat Nabi, Sufyān al-Thaqafī RA pernah meminta kepada Rasulullah SAW untuk menghabarkan kepadanya satu hadis yang lengkap



mengenai Islam supaya dia tidak perlu bertanyakan kepada orang lain lagi. Lalu Rasulullah SAW bersabda:

قُلْ آمَنْتُ بِاللَّهِ ثُمَّ اسْتَقِيمْ

"Katakanlah: "Aku beriman kepada Allah", kemudian beristiqamahlah"

(Riwayat Muslim).

### **Sidang Jumaat sekalian,**

Baginda Rasulullah SAW adalah seorang yang sangat bersungguh-sungguh dalam melakukan ibadah. Biarpun Baginda seorang yang maksum dan dijanjikan syurga oleh Allah SWT, namun Baginda tetap bersemangat dan bersungguh-sungguh melakukannya. Pernah suatu malam, Nabi SAW mengerjakan Solat sehingga bengkak kakinya. Ketika ditanya oleh Saidatina Aisyah, Baginda menjawab;

أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا؟

"Salahkah Aku menjadi seorang hamba yang bersyukur?!"

(Riwayat Muslim).

Walau bagaimanapun, Baginda SAW mengajar kita agar berpada-pada dalam melakukan apa sahaja dan tidak melampaui batas, termasuk jugalah dalam hal ibadah.

Pernah 3 orang sahabat datang berjumpa dengan Baginda, lalu menceritakan tentang keazaman mereka untuk bersungguh-sungguh melaksanakan ibadah. Salah seorang daripada mereka mengatakan bahawa dia akan mengerjakan solat sepanjang malam, seorang lagi mengatakan



bahawa dia akan berpuasa sepanjang masa dan seorang yang lain mengatakan bahawa dia tidak akan berkahwin.

Mendengar kata-kata itu, Anas Bin Malik RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَاللَّهِ إِنِّي لَاخْشَاكُمْ لِلَّهِ وَأَتَقَاكُمْ لَهُ لَكِنِّي أَصُومُ وَأَفْطِرُ وَأَصَلِي وَأَرْقُدُ وَأَتَزَوْجُ النِّسَاءَ فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سُنْتِي فَلَيْسَ مِنِّي

"Demi Allah, Aku adalah manusia yang paling takut dan bertaqwa kepada Allah, namun Aku berpuasa dan aku berbuka, Aku mengerjakan solat dan Aku juga tidur, Aku juga berkahwin dengan wanita. Sesiapa yang tidak suka Sunnah-Ku, maka dia bukanlah dari kalangan-Ku"

(Riwayat al-Bukhari).

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Baginda Nabi Muhammad SAW diutuskan kepada manusia bukan sahaja untuk menjelaskan soal ibadah kepada kita, bahkan baginda juga adalah contoh tauladan yang terbaik dalam pergaulan sesama manusia.

Hadis daripada Anas Bin Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ



*"Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehinggalah ia mengasihi saudaranya seperti ia mengasihi dirinya sendiri".*

*(riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

Rasulullah SAW sangat menitik beratkan soal kasih sayang dalam hubungan sesama manusia. Bahkan, Baginda turut menyatakan bahawa tidak sempurna iman seseorang itu sekiranya dia tidak mengasihi saudaranya sesama Islam.

Dalam kehidupan seharian kita, pastinya kita tidak akan terlepas daripada bersempang dan berbicara bersama kawan-kawan dan lain-lain. Namun, pernahkah kita terfikir untuk mengikut panduan dan akhlak Rasulullah SAW dalam hal ini?

Baginda Rasulullah SAW hanya berbicara mengenai perkara-perkara yang penting sahaja. Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيَقُولْ خَيْرًا  
أَوْ لِيصُمْتَ

*"Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, maka hendaklah dia berkata-kata yang baik sahaja, ataupun diam".*

*(Muttafaq 'Alayh).*

Namun, sebahagian besar dikalangan kita hari ini tidak mempedulikan halal dan haram, adab dan akhlak dalam berbicara dan bersempang sesama kita bahkan ketika berceramah dan menyampaikan kuliah agama sekalipun.



Ingatlah bahawa azab di neraka kelak banyak disebabkan kelalaian manusia dalam perkara untuk menjaga lidah.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Rasulullah SAW bukan hanya memandu kita dalam menguruskan kehidupan seharian, bahkan baginda juga memberikan tunjuk ajar kepada umatnya supaya menggunakan akal yang dikurniakan oleh Allah SWT dengan sebaiknya.

Dalam meneladani sirah Rasulullah SAW banyak panduan berfikir yang kita boleh ambil daripada biografi manusia agung ini. Baginda sendiri seorang yang sangat banyak berfikir, bahkan baginda sentiasa berfikir mengenai umat baginda, mengatur strategi dakwah dan sebagainya.

Rasulullah SAW mengajar kita untuk sentiasa positif dalam berfikir. Setiap perkara yang terjadi menimpa kita, seharusnya kita positif dan bertindak proaktif dalam semua perkara. Inilah sikap seorang mukmin sebagaimana yang dinyatakan oleh Suhaib RA bahwa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Sungguh menakjubkan urusan seseorang mukmin, semua urusannya adalah baik baginya. Hal ini tidak didapatkan kecuali pada diri seseorang mukmin. Apabila mendapatkan kesenangan, dia bersyukur, maka yang demikian itu merupakan kebaikan baginya. Sekalipun apabila tertimpa kesusahan, dia pun bersabar, maka yang demikian itu merupakan kebaikan baginya”.*

*(Riwayat Muslim).*

Islam mengajar kita bahawa setiap yang berlaku di muka bumi ini adalah dengan kehendak dan kebijaksanaan Allah SWT. Kita mestilah



meyakini bahawa setiap apa yang terjadi, pastinya ada hikmah tersendiri yang tersembunyi disebaliknya.

Dalam kehidupan seharian kita, tidak sepatutnya kita bersikap bongkak dan ego untuk mendengar pandangan daripada orang lain. Dalam hal ini, Rasulullah SAW mengajar kita supaya sentiasa terbuka dalam menerima teguran dan sentiasa berbincang serta mengambil pandangan daripada orang lain. Baginda sendiri, walaupun seorang Nabi, bahkan seorang yang maksum, namun tetap berbincang dan mengambil pandangan daripada sahabat-sahabat Baginda RA.

**Hadirin sidang Jumaat sekalian,**

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita menghayati dan memahami perkara-perkara berikut;

1. Kita hendaklah memastikan amal ibadah serta tingkah laku kita berpandukan kepada ajaran Islam sebenar yang dibawa oleh Rasulullah SAW.
2. Semua amal ibadah hendaklah dilakukan dengan Istiqamah dan berterusan.
3. Umat Islam hendaklah menambah dan meningkatkan ilmu-ilmu pengetahuan melalui guru-guru yang muktabar dan bertauliah serta menyampaikan ilmu yang sebenarnya.
4. Umat Islam hendaklah menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan yang terbaik dalam setiap aspek kehidupan.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ  
يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا



"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (ketika waktu susah dan senang)".

(Surah al-Ahzab: 21).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِأَقْرَآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjasaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
الَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلطَانِ



سَلَّٰعُور، سُلْطَانٌ شَرَفُ الدِّينِ ادريس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانٌ صَلَاحُ الدِّينِ عبد  
العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ عَهْدِ  
سَلَّٰعُور، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ  
الدِّينِ ادريس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبُّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبُّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.